



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

Director General of Education Malaysia

ARAS 8, BLOK E8

Level 8, Block E8

KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E

Government Complex Parcel E

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Federal Government Administrative Centre

62604 PUTRAJAYA



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Tel: 03-8884 6077

Faks: 03-8889 4548

Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami: KPM.100-1/7/2 Jld. 3 (90)

Tarikh: 23 Jun 2017

Semua Ketua Bahagian Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 6 TAHUN 2017

**PENGGUNAAN PELBAGAI UJIAN BAHASA INGGERIS BERDASARKAN
PIAWAIAN COMMON EUROPEAN FRAMEWORK OF REFERENCE (CEFR) BAGI
MENENTUKAN TAHAP PENGUASAAN GURU DAN PENSYARAH OPSYEN
BAHASA INGGERIS YANG BERKHIDMAT DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA MULAI TAHUN 2017**

TUJUAN

1. Surat pekeliling ikhtisas ini dikeluarkan bertujuan memaklumkan penggunaan pelbagai ujian Bahasa Inggeris berdasarkan piawaian *Common European Framework of Reference* (CEFR) sebagai pengiktirafan tahap penguasaan guru dan pensyarah opsyen Bahasa Inggeris.

LATAR BELAKANG

2. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 telah menetapkan tahap penguasaan guru opsyen Bahasa Inggeris pada CEFR Band C1. Menjelang tahun 2025, semua guru opsyen Bahasa Inggeris mesti berada pada tahap penguasaan yang telah ditetapkan bagi memacu transformasi pendidikan Bahasa Inggeris di Malaysia secara sistemik, sistematik dan strategik dari peringkat prasekolah hingga ke universiti termasuk institut pendidikan guru (IPG).

3. *The Roadmap 2015-2025*, pelan pendidikan Bahasa Inggeris yang rapi dan bersepadu juga menegaskan bahawa guru opsyen Bahasa Inggeris hendaklah berada pada tahap CEFR *Band C1* dan pensyarah opsyen Bahasa Inggeris hendaklah berada pada tahap CEFR *Band C2* bagi memastikan peningkatan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid.
4. Ujian *Cambridge Placement Test* (CPT) digunakan untuk mengenal pasti tahap penguasaan guru dan pensyarah opsyen Bahasa Inggeris pada tahun 2012 dan ujian Aptis digunakan mulai tahun 2013 bagi menggantikan ujian tersebut.
5. Bermula tahun 2017, guru dan pensyarah opsyen Bahasa Inggeris boleh memilih ujian Bahasa Inggeris yang telah dijajarkan dengan CEFR bagi menguji tahap penguasaan masing-masing. Senarai dan maklumat ujian yang boleh diambil adalah seperti di Lampiran.

PELAKSANAAN

6. Guru dan pensyarah opsyen Bahasa Inggeris perlu:
 - i. merujuk ujian-ujian yang telah dijajarkan dengan CEFR dalam laman sesawang KPM dari semasa ke semasa untuk mengetahui maklumat tentang ujian-ujian tersebut;
 - ii. mendapatkan kebenaran ketua jabatan untuk menduduki ujian pada hari dan masa yang ditetapkan dengan merujuk pekeliling yang berkuat kuasa;
 - iii. mendaftar dengan *service provider* ujian mengikut jadual yang telah ditetapkan dan segala perbelanjaan adalah di bawah tanggungan sendiri; dan
 - iv. melaporkan pencapaian ujian Bahasa Inggeris kepada ketua jabatan masing-masing.

TARIKH KUAT KUASA

7. Surat pekeliling ikhtisas ini berkuat kuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

8. YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat pekeliling ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF)

Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
merangkap Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.

1. YB Menteri Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia I
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia II
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

7. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
8. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
9. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia

Lampiran

Jadual 1: Maklumat dan perincian ujian yang telah diajarkan dengan CEFR.

NO.	UJIAN	BAND C2	BAND C1	BAND B2	BAND B1	BAND A2	BAND A1	SAH SELAMA (TAHUN)
1.	<i>Malaysian University English Test (MUET)</i>	>259 Tahap Band 5 atas hingga Band 6	224-258 Band 5	195-223 Tahap pertengahan Band 4 hingga tahap bawah Band 5	<192 Tahap pertengahan Band 4 ke bawah	-	-	5
2.	<i>International English Language Testing System (IELTS)</i>	8.1-9.0	6.6-8.0	5.5-6.5	4.0-5.4	-	-	5
3.	<i>Cambridge English Placement Test (CEPT)</i>	90-100	75-89	60-74	40-59	20-39	10-19	5

NO.	UJIAN	BAND C2	BAND C1	BAND B2	BAND B1	BAND A2	BAND A1	SAH SELAMA (TAHUN)			
4.	Cambridge English: Proficiency (CPE)	220-230 (Grade A) 213-219 (Grade B) 200-212 (Grade C)	180-199	-	-	-	-	5			
5.	Test of English as a Foreign Language (TOEFL)	-	110-120	87-109	57-86	40-56	-	5			
6.	Aptis	Pemberian gred bagi ujian Aptis berdasarkan deskripsi <i>Can Do Statements CEFR</i> Band C2, C1, B2, B1, A2 dan A1 bagi setiap kemahiran bahasa. Keseluruhan CEFR dikira sebagai peratus setiap komponen skor Band dengan wajaran yang berikut:	Pemahaman	30%	Penulisan	25%	Pertuturan	30%	Pendengaran	15%	5